



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 3 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM SEDIA TAWAR KAUNSELING KEPADA KELUARGA JURURAWAT MAUT DITIKAM SUAMI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015711/kpwkm-sedia-tawar-kaunseling-kepada-keluarga-jururawat-maut-ditikam-suami	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2230859	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/282029/berita/semasa/anak-jururawat-maut-ditikam-akan-diberi-kaunseling	SINARHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70235-kpwkm-anak-jururawat-maut-ditikam-akan-diberi-kaunseling	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.thesundaily.my/local/arau-murder-kpwkm-to-offer-counselling-to-family-of-deceased-JD11566852	THESUNDAILY.MY
	https://www.sinardaily.my/article/209567/malaysia/national/ministry-to-provide-counselling-for-children-of-nurse-stabbed-to-death	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	GANGGUAN SEKSUAL KANAK-KANAK SECARA DALAM TALIAN MEMBIMBANGKAN - KPWKM	
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70241-gangguan-seksual-kanak-kanak-secara-dalam-talian-membimbangkan-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/4-peratus-remaja-bawah-17-tahun-alami-penderaan-seksual-secara-maya/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/282058/berita/nasional/kanak-kanak-guna-internet-terdedah-gangguan-seksual-secara-maya	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SARAWAK DEKA BISI SEBUAH MAKMAL MERESA SAMPEL RIMAN SERVIKS	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/02/sarawak-deka-bisi-sebuah-makmal-meresa-sampel-riman-serviks	UTUSANBORNEO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	YAYASAN SIME DARBY CELEBRATES OVER 1,800 EMPLOYEE VOLUNTEERS AT YSD VOLUNTEER AWARD CEREMONY 2023	
	https://www.malaymail.com/news/life/2023/10/02/yayasan-sime-darby-celebrates-over-1800-employee-volunteers-at-ysd-volunteer-award-ceremony-2023/93926	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	PEDI BANTU NAIKKAN TARAF KEHIDUPAN MASYARAKAT ORANG ASLI SUNGAI JUDAH	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2230820	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KERJASAMA KBS, YAKEB JAMIN KEBAJIKAN BEKAS ATLET KEBANGSAAN	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/220951/kerjasama-kbs-yakeb-jamin-kebijakan-bekas-atlet-kebangsaan/	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	ACTIVIST IN WHEELCHAIR ALLEGEDLY HIT AFTER TELLING MAN OFF FOR PARKING IN DISABLED SPACE	
	https://www.thevibes.com/articles/news/99123/activist-in-wheelchair-allegedly-hit-after-telling-man-off-for-parking-in-disabled-space	THEVIBES.COM



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	SUSPEK TIKAM WANITA DI KEDAI DOBI DITAHAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1159707/suspek-tikam-wanita-di-kedai-dobi-ditahan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/02/suspek-tikam-wanita-di-dobi-positif-dadah/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/lelaki-tikam-wanita-di-kedai-dobi-layan-diri-ditahan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015616/lelaki-tikam-wanita-di-kedai-dobi-sudah-ditahan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/282003/berita/semasa/lelaki-tikam-wanita-di-kedai-dobi-diberkas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=8D8MjTBC5ws	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=o8AOqW3QviU	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-tikam-wanita-di-kedai-dobi-layan-diri-diberkas-439903	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/681192	MALAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	POH KONG ANJUR GOLF UNTUK WANITA	
	https://www.utusan.com.my/sukan/golf/2023/10/poh-kong-anjur-golf-untuk-wanita/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	PESARA WANITA RUGI RM1.9 JUTA DIPERDAYA MACAU SCAM	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1159934/pesara-wanita-rugi-rm19-juta-diperdaya-macau-scam	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
11	[VIDEO] WANITA PANDU BMW LAWAN ARUS BELUM BERI KETERANGAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/02/video-wanita-pandu-bmw-lawan-arus-belum-beri-keterangan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	PENGASUH TIDAK MENGAKU ABAI KANAK-KANAK PEREMPUAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015630/pengasuh-tidak-mengaku-abai-kanak-kanak-perempuan	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/281999/berita/semasa/pengasuh-didakwa-aniaya-abai-anak-jiran-hingga-mati-lemas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/681194	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-didakwa-aniaya-abai-anak-jiran-hingga-mati-lemas-439900	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/pengasuh-didakwa-abai-anak-asuhan-hingga-mati-lepas/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	MAHKAMAH: LELAKI BEBAS TUDUHAN AKSES LAMAN SESAWANG PORNOGRAFI KANAK-KANAK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/02/mahkamah-lelaki-bebas-tuduhan-akses-laman-sesawang-pornografi-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	FESTIVAL KESENIAN KANAK-KANAK SEMARAK SEMANGAT KESENIAN LEGASI MUDA	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2230818	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KEM NUTRISI KANAK-KANAK, MANFAAT TERAP GAYA HIDUP SIHAT	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/02/kem-nutrisi-kanak-kanak-manfaat-terap-gaya-hidup-sihat	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	UMK TERIMA 9 OKU, 11 ORANG ASLI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/282081/edisi/kelantan/umk-terima-9-oku-11-orang-asli	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	WARGA EMAS MAUT AKIBAT DITEKUP, CEDERA DI BELAKANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1015725/warga-emas-maut-akibat-ditekup-cedera-di-belakang	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/281973/berita/semasa/dua-lelaki-ditahan-kes-samun-bunuh-warga-emas	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1159862/lelaki-warga-emas-maut-akibat-kelemasan-tekupan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ZPS9tNOAg9o	YOUTUBE
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1159622/2-lelaki-ditahan-bantu-siasatan-warga-emas-dibunuh	BHARIAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/681158	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-emas-maut-akibat-ditekup/	BULETINTV3.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

3/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	KAKAK RAYU BANTU CARI ADIK OKU HILANG SEJAK SEMALAM	
	https://malysiagazette.com/2023/10/02/kakak-rayu-bantu-cari-adik-oku-hilang-sejak-semalam/	MALYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : BUANG STIGMA HOSPITAL HANYA TEMPAT RAWATAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 24

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Buang stigma hospital hanya tempat rawatan

Kuala Lumpur: Lebih 120 kanak-kanak daripada 10 sekolah berpeluang menyertai Program Kemasyarakatan Hari Ceria Bersama Kanak-Kanak 2023 di Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) di sini, baru-baru ini.

Program itu diadakan melalui kerjasama Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Kebajikan Sosial Perubatan dan Rakan Pembimbing (AKRAB) HPKK.

Ketua Projek yang juga Pengerusi Program Hari Ceria Bersama Kanak-Kanak, Hairul Liana Din, berkata program itu inisiatif dalam Program Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Prihatin, Komuniti Sejahtera (KRIS) bagi mendekati masyarakat.

Katanya, ia disertai 10 sekolah, tadika dan taska yang dipilih di sekitar Bandar Tun Razak.

"Inisiatif ini diharap dapat membuang persepsi bahawa hospital hanya tempat untuk memberi rawatan semata-mata, tetapi turut mempunyai pelbagai aktiviti dan program untuk dilakukan bersama-sama bagi meningkatkan kesejahteraan komuniti, khususnya kepada kanak-kanak," katanya pada majlis perasmian Hari Ceria Bersama Kanak-Kanak 2023 di HPKK di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Pengarah HPKK, Prof Datuk Dr Ismail Sagap.

Hairul Liana berkata, antara



Kanak-kanak teruja menyertai Program Kemasyarakatan Hari Ceria Bersama Kanak-Kanak 2023 Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

pengisian program adalah perkongsian interaktif berkenaan aspek keibubapaan, iaitu Tahap Perkembangan Kanak-Kanak, Stimulasi Bermain Kanak-Kanak dan Tips Pemakanan Sihat Kanak-Kanak.

Katanya, topik perkongsian itu amat relevan dalam membantu menjalankan peranan sebagai

ibu bapa dan guru pada zaman yang lebih mencabar ini.

"Perkongsian interaktif ini diharapkan dapat menyokong kepada aspek pemeraksanaan perkembangan dan kesejahteraan kanak-kanak pada peringkat komuniti, iaitu di sekolah dan rumah.

"Ilmu ini penting bagi mem-

persiapkan komuniti untuk terus kekal relevan dan bersedia melalui cabaran.

"Semoga semua yang hadir mendapat manfaat daripada aktiviti yang diadakan dan tidak lupa dengan ilmu baharu diperoleh serta berusaha untuk mempraktikkannya," katanya.

Selain itu, aktiviti menarik

lain turut disediakan khas untuk kanak-kanak adalah pertandingan mewarna, dekorasi kek cawan, kraf tangan kreatif dan program diet sihat.

HPKK sentiasa ambil peduli

Sementara itu, Dr Ismail berkata, program dengan tema Kanak-Kanak Ceria Membina Generasi Madani bertujuan memperkenalkan HPKK sebagai hospital mera kanak-kanak kepada masyarakat setempat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak sendiri.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa prihatin serta ambil peduli dan berusaha mendekati institusi berkenaan dengan masyarakat setempat.

"Saya percaya program seumpama ini mampu mendekatkan hubungan antara warga HPKK dengan masyarakat sekitar lantaran HPKK adalah hospital yang kedua di bawah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang baharu beroperasi tiga tahun lalu selepas Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM).

"Oleh itu, selain menjalankan pelbagai aktiviti masyarakat juga dapat mengenali dan merasai suasana di hospital yang serba baharu dan indah ini.

"Jika dahulu persepsi kanak-kanak pada hospital adalah tempat rawatan yang menakutkan, kini kita berusaha memupuk rasa ceria untuk hadir ke hospital," katanya.



TAJUK : JARAKKAN KEHAMILAN BANTU IBU PERBAIKI KUALITI HIDUP

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 24

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Jarakkan kehamilan bantu ibu perbaiki kualiti hidup



Perancangan keluarga mainkan peranan besar peroleh kesihatan mental, fizikal

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ramai wanita berdepan pelbagai dilema dan gagal merancang kehamilan disebabkan pengaruh individu atau masyarakat sekitarnya.

Sebagai contoh, ada wanita yang cuba memenuhi impian pasangan untuk memiliki bilangan cahaya mata atau sasaran jantina tertentu, selain terpengaruh dengan pandangan segelintir pihak

yang menggalakkan supaya melahirkan anak ramai ketika usia masih muda.

Bagi ibu kepada enam cahaya mata yang juga pengasas Family Centre Enterprise, Dr Noor Atiyah Azmi, wanita sepatutnya sedar mereka adalah individu paling arif mengenai tahap kesihatan diri dan kesediaan dari segi fizikal serta mental untuk menambah anak.

“Golongan ibu sepatutnya tidak mengabaikan hak untuk mendapatkan kehidupan berkualiti dan kekal sihat dari segi mental dan fizikal.

“Biasanya ibu ini jiwanya memikirkan untuk berkorban demi keluarga. Namun, pada masa sama perlu ingat, kita harus beri masa untuk badan berehat.

“Jika terlalu cepat mengandung semula, ia beri impak bukan sahaja kepada kesihatan diri sendiri, tetapi perkembangan

anak. Ini terutama bagi yang ada anak ramai, perlu ambil kira keperluan interaksi anak, bagaimana mereka bergaul sebagai adik-beradik,” katanya pada Forum Perancang Keluarga bersempena Sambutan Hari Kontraseptif Sedunia 2023, di sini, baru-baru ini.

Lebih masa untuk diri

Memperincikan pengalamannya, beliau berkata, menjarakkan ke-

hamilan adalah salah satu kaedah terbaik untuk memastikan kualiti hidup lebih terjaga.

“Saya sendiri pernah merasainya, memang ada beza ketika lahirkan anak rapat dan yang jaraknya agak jauh.

“Tentu bila dijarakkan tempoh hamil semula, kualiti sebagai ibu itu lebih bermakna.

“Saya ada masa berinteraksi dengan anak yang baru dilahirkan dan anak yang lebih tua,

malah masa untuk diri sendiri pun ada,” katanya.

Tambahnya, walaupun fitrah seorang ibu diciptakan Allah SWT kental, malah mampu lakukan banyak perkara dalam satu masa, namun semua pemberian itu ada hadnya.


“Golongan ibu memang hebat, dia mampu lakukan pelbagai perkara dalam satu masa. Bagaimanapun, tentunya apabila kita fokus pada satu perkara, impaknya lebih besar. Di sinilah perancangan keluarga memainkan peranan yang besar.

“Sebab itu, saya sarankan setiap ibu perlu ada ilmu mengenai kontraseptif. Jangan hanya dengar cerita orang, misalnya makan pil perancang, berat badan akan bertambah. Ini tak betul jika tak jaga makan, liat ber-senam dan amalkan gaya hidup tidak sihat, maka badan boleh jadi obes,” katanya.

“Wanita sepatutnya sedar mereka yang paling arif mengenai tahap kesihatan diri dan kesediaan dari segi fizikal serta mental untuk tambah anak”

Dr Noor Atiyah Azmi,
Pengasas Family Centre Enterprise





TAJUK : LUKA TIKAMAN PUNCA KEMATIAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Luka tikaman punca kematian

Hasil bedah siasat dapati mangsa alami luka hingga ke hati, dalaman pembuluh darah

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Arau: Kematian jururawat yang dipercayai akibat ditikam suami sendiri di kediaman mereka di Padang Nyu, Arau pada Sabtu lalu, disahkan kerana luka tikaman hingga ke hati serta bahagian dalaman pembuluh darah.

Mengesahkan punca kematian mangsa, Ketua Polis Daerah Arau, Superintendan Ahmad Mohsin



Mohd Rodi, berkata keputusan itu diperoleh hasil bedah siasat yang dijalankan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar kelmarin.

Berdasarkan keputusan autopsi di HSB itu, beliau menjelaskan, Munirah Abu Bakar, 31, maut akibat mengalami luka tikaman hingga ke hati serta dalaman pembuluh darah atau 'stab wounds to the liver and inferior vena cava'.

"Namun, setakat ini, kita belum memperoleh laporan keseluruhan proses bedah siasatan



Melati Abu Bakar menunjukkan gambar adiknya, Munirah (kanan) ketika ditemui di pekarangan Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah, Ahad lalu. (Foto Zuliaty Zulkifli/BH)


berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Tolak analisis psikiatrik

Pada masa sama, Ahmad Mohsin berkata, polis menolak kemungkinan melakukan analisis psikiatrik terhadap suspek kerana

tiada keperluan.

"Kita juga mendapati suspek positif dadah methamphetamine ketika kejadian, hasil saringan ujian air kencing yang dibuat, namun pengaruh dadah bukan dikatakan penyebab kejadian," katanya.



TAJUK : 'RAMAI NAK BERI BANTUAN'

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuantan: Keluarga seorang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang Sultan Abdullah (UMPSA) di sini, terkejut apabila video mengenai mereka tular di media sosial.

Tahir Untong, 57, yang juga seorang guru besar di Sekolah Kebangsaan Ulu Merapok, Sarawak berkata, dia terkejut apabila video dia menghantar anak perempuannya mendaftar di UMPSA tular.

Menurutnya, keputusan untuk menaiki bas adalah merupakan pilihan dirinya sendiri untuk menghantar anaknya, Nurbatrisyia Husna, 19, mendaftar ke UMPSA yang akan mengikuti Pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Petroleum).

"Memandangkan kami tidak pernah ke Pahang, saya mengambil keputusan untuk menaiki kapal terbang dari Kota Kinabalu, Sabah menuju ke KLIA Terminal 1.

"Sebaik sampai di Kuala Lumpur, kami bermalam di hotel dan keesokannya kami ke Terminal Bersepadu Selatan (TBS) Kuala Lumpur untuk mendapatkan perkhidmatan bas ke Pahang.

"Kebetulan di kaunter tiket, kakitangan memaklumkan bas akan melalui pintu masuk UMPSA.

"Sebenarnya saya sengaja memilih untuk menaiki bas kerana menganggap ia satu peluang untuk melihat dan mengenali daerah di Pahang sepanjang perjalanan.

"Pada masa sama, saya ingin memberi pengalaman kepada anak menggunakan perkhidmatan awam apabila pulang ke Sarawak ketika cuti semester nanti," katanya ketika dihubungi semalam.

Kisah keluarga Nurbatrisyia mendapat perhatian netizen apabila video mereka berjalan sambil menarik beg besar memasuki



RAKAMAN video tular memaparkan Tahir dan keluarganya yang berjalan kaki tiba di UMPSA.

'Ramai nak beri bantuan'

Guru Besar terkejut video hantar anak perempuan mendaftar di UMPSA tular

UMPSA pada hari pendaftaran pada Sabtu lalu tular di media sosial.

Rakaman berdurasi satu minit dan 13 saat itu menyetujui hati netizen. Tahir berkata, video itu perlu dipandang dari sudut positif iaitu pengorbanan ibu bapa yang sanggup melakukan apa sahaja untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada anaknya.

Katanya, dia juga berha-

rap ia dapat memberi inspirasi kepada anak serta remaja di luar sana untuk menghargai kasih sayang ibu bapa dan belajar hingga berjaya.

"Susulan video ini viral, ramai rakan guru yang tinggal di Pahang dan Kuala Lumpur menghubungi sa-

ya untuk menghulurkan bantuan.

"Namun saya menolak secara baik kerana memang sengaja untuk mengembara sendiri bersama keluarga.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dengan keprihatinan UMPSA yang mem-

bantu menyediakan kenderaan untuk membawa kami ke lokasi pendaftaran dan asrama.

"Kami amat terharu dengan kerjasama pihak UMPSA yang turut membawa kami sekeluarga untuk membeli barang keperluan seperti bantal, baldi, keperluan diri dan sebagainya di beberapa pasar raya berhampiran.

"UMPSA juga menawarkan rumah tamu, tetapi sa-

ya menolaknya kerana ingin menginap di hotel sekitar bandar Kuantan.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang prihatin dan mendoakan kesejahteraan kami sekeluarga.

"Saya berharap anak dan semua pelajar yang mendapat menyambung pengajian di universiti beroleh kejayaan dalam pelajaran," katanya.

"Harap ia dapat memberi inspirasi kepada anak serta remaja di luar sana"
Tahir



TAJUK : BANTU UBATI SAKIT MISTERI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



KAMARIAH bersama anaknya, Roslina yang menghidap penyakit misteri.

Oleh Hazira Ahmad
Zaidi
am@hmetro.com.my

Machang

“**K**ami mohon jika ada pengamal perubatan tradisional yang sudi membantu menyembuhkan penyakit misteri yang dideritai Roslina,” kata Kamariah Daud.

Kamariah, 70, adalah ibu kepada Roslina Mohamad, 42, yang menderita penyakit misteri sejak lebih dua tahun lalu selain ditinggalkan suami dan pada masa sama perlu menguruskan tiga anaknya berusia di antara enam hingga sembilan tahun.

Menurutnya, sebelum ini ada individu yang prihatin datang ke rumah untuk merawat anaknya dan tidak meminta sebarang bayaran kerana bersimpati dengan keadaan keluarga mereka.

“Sebahagian wang sumbangan yang diberikan orang ramai digunakan un-

Bantu ubati sakit misteri

Warga emas harap ada pengamal perubatan tradisional sudi bantu menyembuhkan anak



Roslina kerap mengadu bermimpi pelbagai perkara pelik termasuk banyak ulat dan biawak masuk ke dalam rumah, mimpi bersalin dan menyusukan anak”

Kamariah

tuk menampung perbelanjaan perubatan Roslina selain kegunaan anak-anak yang masih bersekolah.

“Alhamdulillah, keadaan

Roslina menunjukkan sedikit perubahan berbanding sebelum ini namun ada ketikanya dia ada berasa tidak selesa dan cuba untuk melawan ketidakselesaan yang dihadapi,” katanya.

Sebelum ini dilaporkan, seorang warga emas yang berusia separuh abad terpaksa mengerah sepenuh kudratnya untuk menjaga anak perempuannya yang menghidap penyakit misteri.

Menurut Kamariah, sebelum Roslina terlantar sakit, anaknya itu kerap mengadu bermimpi pelbagai perkara pelik termasuk ba-

nyak ulat dan biawak masuk ke dalam rumah, mimpi bersalin dan menyusukan anak.

Penyakit misteri yang dialami Roslina sangat pelik, apabila setiap kali makan tekaknya terasa pedih seperti tertelan kaca dan ada masanya dia berasa ada gumpalan rambut di kerongkong hingga menyebabkan berat badannya semakin susut.

Kamariah berkata, Roslina amat berharap penyakitnya itu segera sembuh agar dapat bekerja semula demi mencari rezeki untuk anak-anaknya yang semakin membesar.



TAJUK : **DIIKAT GUNA KAIN PELEKAT**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **03 OKT 2023**

M/SURAT : **04**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



ANGGOTA forensik melakukan siasatan di lokasi kejadian.

Oleh Zuliati Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Baling

Seorang lelaki warga emas ditemukan dalam keadaan lehernya dijerut, manakala kaki dan tangannya diikat di rumahnya di Taman Desa Bidara, Kuala Ketil, kelmardin.

Ketua Polis Daerah Baling, Superintendent Shamsudin Mamat berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam pada 3.21 petang berhubung penemuan lelaki berusia 71 tahun itu.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati kejadian berlaku di rumah jenis teres setingkat dan berpagar serta tidak mempunyai kesan pecah masuk.

"Mangsa ditemui di atas katil bilik utama dalam keadaan leher mangsa dijerut manakala kaki serta tangan diikat dipercayai mengu-

WARGA EMAS DIJERUT

Diikat guna kain pelekat

nakan kain pelekat milik na gelap yang dipercayai mangsa sendiri.

"Lokasi kejadian tidak mempunyai kamera rakaman litar tertutup (CCTV), namun pemeriksaan rakaman CCTV di rumah jiran mangsa mendapati terdapat imej dua lelaki tidak dikenali menaiki motosikal Yamaha Y15 berwar-

suspek keluar dari rumah berkenaan," katanya.

"Kejadian disyaki bermotifkan samun, namun siasatan masih dilakukan"
Shamsudin

Shamsudin berkata, mangsa tinggal bersendirian di rumah itu selepas kematian isterinya kira-kira lapan tahun lalu.

Beliau berkata, pemeriksaan mendapati seutas

rantai emas, sebungkus cincin yang dipakai dan dompet milik mangsa hilang.

"Kejadian disyaki bermotifkan samun, namun siasatan masih dilakukan.

"Mayat dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar untuk dibedah siasat," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Susulan itu, katanya, dua lelaki warga tempatan masing-masing berusia 23 dan 25 tahun ditahan pada jam 3 pagi semalam di sekitar Kuala Ketil untuk membantu siasatan.

Shamsuddin berkata, Mahkamah Majistret Sik kemudian membenarkan kedua-dua suspek ditahan reman selama enam hari untuk membantu siasatan.

"Mereka direman bermula hari ini (semalam) sehingga 7 Oktober ini," katanya.



TAJUK : LUKA TIKAMAN HINGGA KE HATI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



DUA anak Allahyarham Munirah yang berusia enam dan lapan tahun menabur bunga mawar di pusara ibu mereka di Tanah Perkuburan Islam Keluarga Haji Talib, Kampung Paya Tengah, Beseri, Padang Besar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Luka tikaman hingga ke hati

Arau: Polis mengesahkan kematian jururawat yang ditikam suaminya di kediaman mereka di Padang Nyu, Arau, Sabtu lalu disebabkan luka tikaman hingga ke hati serta bahagian dalaman pembuluh darah.

Ketua Polis Daerah Arau, Superintendan Ahmad Mohsin Mohd Rodi berkata, keputusan itu diperolehi hasil proses bedah siasat dijalankan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, semalam.

"Berdasarkan keputusan autopsi dibuat di HSB, mangsa, Munirah Abu Bakar, 31, maut akibat luka tikaman hingga ke hati serta dalaman pembuluh darah (vena kava) atau *stab wounds to the liver and inferior vena cava*.

"Namun, setakat ini, kita belum memperolehi laporan keseluruhan proses bedah siasatan itu," katanya dihubungi, semalam.

Pada masa sama, Ahmad Mohsin berkata, pihaknya menolak kemungkinan melakukan analisis psikiatri terhadap suspek yang juga suami mangsa.

Ini kerana, katanya, tiada keperluan untuk membuat penilaian psikiatri terhadap suspek.

"Kita juga mendapati suspek positif methamphetamine ketika kejadian itu," katanya.

JURURAWAT MAUT DITIKAM SUAMI

Anak kata ibu 'pergi' sekejap sahaja!

Padang Besar: Jenazah jururawat, Munirah Abu Bakar, 31, yang maut ditikam suaminya di rumah mereka di Padang Nyu, Arau, Sabtu lalu selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Keluarga Haji Talib Kampung Paya Tengah, Beseri, kelmarin.

Kira-kira 100 orang terdiri daripada ahli keluarga, sanak saudara, kenalan dan rakan sekerja mangsa di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar mengiringi

pengebumian jenazah yang selesai jam 5.45 petang.

Dua anak lelaki Allahyarham berusia enam dan lapan tahun juga turut sama menyaksikan perjalanan terakhir ibu mereka.

Malah, kedua-dua mereka bagaikan tidak mengerti dengan pemergian ibu dan hanya mengatakan ibu mereka 'pergi' sekejap sahaja.

Terdahulu, jenazah yang selesai proses bedah siasat

di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dibawa pulang ke kediaman keluarganya di Kampung Paya Tengah, Beseri.

Sementara itu, bapa mangsa, Abu Bakar Senapi, 64, berkata, penjagaan dua anak lelaki Allahyarham Munirah akan dibincangkan bersama keluarga suami mangsa kemudian.


Katanya, ketika ini, pihaknya belum memikirkan perkembangan itu.

"Kita akan datang ber-

bincang dengan keluarga besan saya nanti mengenai perkara itu dalam masa terdekat.

"Bagaimanapun buat masa ini, kami belum capai apa-apa keputusan lagi," katanya.

Sementara, suspek yang juga suami Munirah berusia 38 tahun direman sehingga 7 Oktober depan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.



TAJUK : PAWE KURANGKAN KEMASUKAN WARGA EMAS KE PUSAT KEBAJIKAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pawe kurangkan kemasukan warga emas ke pusat kebajikan

Ipoh: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menasaskan menubuhkan lebih banyak Pusat Aktiviti Warga Emas (Pawe) di seluruh negara berdasarkan populasi warga emas di suatu kawasan sebagai usaha mendepani cabaran Negara Menua 2030.

Timbalan Menteri, Aiman Athirah Sabu berkata, dengan pertambahan Pawe, golongan warga emas dapat menjalankan aktiviti dalam komuniti sekali gus melahirkan warga emas sihat, aktif, produktif dan positif.

"Secara tidak langsung penubuhan lebih banyak Pawe mengurangkan kemasukan dan kebergantungan warga emas kepada institusi kebajikan," katanya ketika merasmikan Majlis Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan 2023 di Pusat Konvensyen Casuarina Meru di sini, kelmarin.

Sambutan bertemakan Memartabatkan Hak Warga Emas: Merentas Generasi itu turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan Dan Koperasi Perak Salbiah Mohamed.

Aiman Athirah berkata, KPWKM berusaha memperluaskan kerjasama strategik dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi membantu memberi perkhidmatan kepada warga emas.

Katanya, tanggungjawab sosial korporat antara satu daripada kerjasama KPWKM dengan rakan strategik seperti agensi kerajaan, sektor korporat, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu dalam memelihara kebajikan kumpulan sasaran dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.



TAJUK : ROTAN ANAK HINGGA LEBAM!

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Rotan anak hingga lebam!

Muar

Wanita bersama teman lelaki disyaki dera dua beradik perempuan ditahan

Dua beradik perempuan diselamatkan selepas disyaki menjadi mangsa dera ibu dan teman lakinya dalam kejadian di sebuah rumah di Jalan Meriam di sini, akhir bulan lalu.

Kedua-dua mangsa yang berusia lima dan enam tahun disyaki didera menggunakan rotan menyebabkan badan mereka lebam hingga meninggalkan kesan.

Ketua Polis Daerah Muar Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, kejadian berlaku antara 16 hingga 26 September lalu disyaki didalangi ibu mangsa berusia 36 tahun serta teman lakinya berusia 38 tahun.

Beliau berkata, kejadian itu terbongkar apabila bapa kandung mangsa mem-

buat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar mengenai kejadian itu.

"Susulan laporan itu, se-pasukan anggota daripada Bahagian Siasatan Jenayah IPD Muar bergegas ke rumah pasangan itu dan me-

nahan mereka pada 2.30 petang, 29 September lalu.

"Suspek lelaki adalah warga tempatan manakala ibu mangsa bukan warganegara.

Siasatan polis juga mendapati, suspek wanita

tidak lagi tinggal bersama suaminya sebaliknya dengan suspek lelaki," katanya ketika dihubungi Harian Metro.


Raiz Mukhliz berkata, pemeriksaan ke atas dua beradik terbabit menemui kesan lebam dipercayai dipukul menggunakan rotan dengan kejadian itu dipercayai berlaku di rumah

ibunya.

Katanya, dua beradik itu kemudian dibawa ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar untuk rawatan lanjut.

"Kedua-dua suspek sudah direman sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

**Kedua-dua suspek
direman sehingga
Jumaat ini**



TAJUK : SUSPEK TIKAM WANITA DI KEDAI DOBI DITAHAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Suspek tikam wanita di kedai dobi ditahan

Kuala Terengganu: Seorang penganggur yang dipercayai terbabit dalam kes tikam wanita menggunakan senjata tajam di kedai dobi layan diri di daerah ini, Sabtu lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Superintendan Wan Mohd Zaki Wan Ismail berkata, lelaki berusia 25 tahun itu ditahan di Kampung Mengabang Telipot, Kuala Nerus kira-kira jam 3.30 petang kelmarin.

Menurutnya, siasatan awal mendapati suspek dan mangsa tidak mengenali antara satu sama lain.

"Suspek

kini direman selama empat hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan (KK) dan Seksyen 393 akta sama.


"Mangsa yang berusia 31 tahun itu dilaporkan dalam keadaan stabil selepas menerima rawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ)," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini dilaporkan seorang wanita cedera akibat ditikam dipercayai menggunakan senjata tajam di sebuah premis dobi layan diri berhampiran Kem Sri Pantai, Seberang Takir Kuala Nerus.

Mangsa yang berusia 31 tahun dilaporkan dalam keadaan stabil



LELAKI yang dipercayai terbabit dalam kes tikam seorang wanita menggunakan senjata tajam di kedai dobi layan diri dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Terengganu untuk mendapatkan perintah reman. - Gambar NSTP/ZATUL IFFAH ZOLKIPLY



TAJUK : 'ASNAF CHARITY SCHEME EASES FINANCIAL BURDEN ON B40, DISABLED'

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

'Asnaf charity scheme eases financial burden on B40, disabled'

KUALA LUMPUR: The Asnaf charity programme launched by the Federal Territories Islamic Religious Council (Maiwp) has helped ease the financial burden on the B40 group, senior citizens and people with disabilities.

It has collaborated with selected merchants, such as MyGroser, where an additional monthly allowance of RM150 is credited to their Boost e-wallet.

It operates daily in public housing projects (PPR) around Kuala Lumpur according to the established schedule, from 8.30am to 1pm.

"This initiative has been very helpful because I always check the prices offered in markets and there's definitely a significant difference.

"The price of a large can of sardine is only RM6.90 and a carton of eggs is RM4.50. You don't see these prices elsewhere," said housewife Suraya Ishak, 56.

Suraya said her household of eight had benefited from the programme as they could purchase essential food supplies.

"I also don't need to travel far to buy groceries as the mobile supermarket operates within the

PPR compound," she said, adding that her elderly neighbours also found it convenient.

Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar said to ensure that the programme benefited more quarters, young individuals from the asnaf group could also generate side income from the initiative.

"The youths can become volunteers who will be in charge of


taking orders, sorting items and ensuring delivery to the customers' homes.

"A commission of RM5 will be credited to their bank accounts for every house that they deliver the items to.

"This will benefit individuals with disabilities and senior citizens who rely on assistance when purchasing groceries," he told reporters at the Sri Kota People's Public Housing Project here yesterday.

The Asnaf charity programme was launched in January 2022, and until July this year, a total of 21,898 individuals around Kuala Lumpur have benefited with expenditure totalling RM30.45 million.

"Aimed at zero hunger, this is Maiwp's effort to enhance the purchasing power of the asnaf group. *InshaAllah*, the basic necessities aid will be increased from RM150 to RM300 next year."



TAJUK : 2 HELD FOR ALLEGED MURDER OF ELDERLY MAN

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 03 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Policemen seen outside of Kannan Shahadevan's (inset) home in Taman Desa Bidara, Kuala Ketil yesterday. PIX COURTESY OF READER



BREAK-IN INCIDENT

2 held for alleged murder of elderly man

BALING: Police have arrested two men who allegedly murdered a 71-year-old man during a break-in at Taman Desa Bidara in Kuala Ketil here.

The duo, aged 23 and 25, were nabbed about 3am yesterday in Kuala Ketil.

District police chief Superintendent Shamsudin Mamat said the arrests were made in response to reports that the victim, Kannan Shahadevan, was found dead his residence on Sunday.

"The deceased was discovered

in the main bedroom of his residence. His hands and feet were tied... He had been strangled.

"Checks at the crime scene indicated no sign of forced entry into the fenced single-storey terrace house.

"Closed-circuit television camera footage from the neighbour's house revealed two men on a motorcycle departing from the victim's home," he said.

Shamsudin said preliminary investigations suggested that the motive behind the incident was theft, as the victim's wallet and

jewellery were missing.

"It was understood that the victim had been living alone since the death of his wife eight years ago.

"The missing items from the crime scene include the deceased's gold chain, ring and wallet."

He said the victim's remains were sent to Sultanah Bahiyah Hospital in Alor Star for post-mortem.

"The case is being investigated under Section 302 of the Penal Code for murder."



TAJUK :	BABYSITTER PLEADS NOT GUILTY TO NEGLECT RESULTING IN CHILD'S DEATH		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	03 OKT 2023	M/SURAT :	10
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

DROWNING INCIDENT

Babysitter pleads not guilty to neglect resulting in child's death

